

PM minta maklum balas perkembangan terkini

Undang-undang khas perlu segera elak pencerobohan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) segera membentangkan perkembangan terkini penggubalan akta berkaitan alam sekitar pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah lama membincang-

kan perihal penggubalan akta berkaitan alam sekitar, namun belum ada maklum balas terperinci mengenainya diterima.

“Saya akan tekankan supaya undang-undang alam sekitar ini disegerakan pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini kerana kita tahu banyak pencerobohan dan sebagainya yang berlaku.

“Di sini (Taman Tugu Negara) difahamkan adalah tempat pembuangan sampah haram. Sepatutnya kawasan hutan hujan ini dijaga dengan baik tetapi dijadikan tempat pembuangan sampah.

“Perkara seperti ini yang memerlukan undang-undang khas supaya tiada pelanggaran berkaitan alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang turut dihadiri Menteri Wilayah Perse-

kutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim di sini, semalam.

Mengulas pendedahan *BH* berhubung ramalan Malaysia mengalami cuaca ekstrem dalam 10 tahun lagi, Perdana Menteri menjangkakan perubahan iklim berlaku dengan lebih teruk bagi tempoh sedekad dari sekarang.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu menjaga kelestarian alam sekitar dalam usaha meminimumkan impak perubahan iklim.

“Ramalan cuaca ekstrem bukan setakat di Malaysia tetapi seluruh dunia, malah beberapa kawasan dilanda banjir walaupun dahulunya tidak berlaku.

“Dulu kita boleh jangka monsun timur laut antara November hingga Januari, namun kini berlaku pada bila-bila masa. Di Kuala Lumpur pula berlaku banjir

kilat kerana hujan lebat.

“KASA sedang sediakan pelan jangka pendek membabitkan projek tebatan banjir. Di Kuala Lumpur, saya dimaklumkan projek tebatan banjir sudah dimulakan bagi mengelak banjir kilat,” katanya.

Terdahulu ketika berucap, Perdana Menteri berkata, komitmen dan kerjasama serantau serta antarabangsa diperlukan bagi menangani pelbagai cabaran akibat perubahan iklim.

Tegasnya, Malaysia komited memenuhi visi mencapai tahap sifar karbon menjelang 2050, termasuk menggubal undang-undang berkaitan perubahan iklim sebagaimana dinyatakan pada Persidangan Nikkei di Jepun, baru-baru ini.

Ismail Sabri berkata, Malaysia akan bekerjasama dengan negara Asia yang berkongsi visi ‘Asia



Zero Emission Community’, selari komitmen negara ketika Persidangan Perubahan Iklim 21 di Paris, Perancis, pada 2015.

Beliau berkata, ia bertujuan membendung pemanasan global dengan mengekalkan purata peningkatan suhu global abad ini di bawah dua darjah Celcius.

“Bagi menyokong visi dan komitmen alam sekitar itu, Malaysia juga meletakkan sasaran jangka panjang. Antaranya, kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 31 peratus menjelang 2025 dan 40 peratus menjelang 2035.

“Selain itu, mengekalkan sekurang-kurang 50 peratus liputan hutan negara serta melaksanakan kaedah ‘natural-based solution’ seperti menanam 100 juta pokok dan meningkatkan kadar kitaran semula kepada 40 peratus menjelang 2025,” katanya.

BH - 8/6/2022 mlb: 9